



Nestlé Good food, Good life

Siaran Berita

Petaling Jaya, 29 Julai 2024

MILO® Hidup Bola Kembali!

Kejohanan futsal tahunan catat jumlah penyertaan tertinggi setelah diperluaskan ke semua negeri

PETALING JAYA, 29 JULAI 2024 – Kejohanan futsal terbesar Malaysia, MILO® Hidup Bola (MHB) 2024, kembali buat kali ke-18 dengan acara yang lebih hebat. MHB tahun ini diadakan di 13 negeri dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berbanding hanya enam kawasan tahun lepas. MHB dijangka menjadi acara futsal paling menyeluruh di Malaysia dalam usahanya mencari bakat anak-anak muda yang sedang berkembang di seluruh negara sambil menggalakkan gaya hidup aktif.

Pusingan awal yang bermula pada bulan Jun dan akan berakhir pada 24 Ogos, telah disertai seramai 12,000 pemain setakat ini, iaitu angka penyertaan tertinggi dalam sejarah MHB sekali gus menunjukkan minat berterusan orang ramai terhadap sukan tersebut.

Dalam usaha untuk mencungkil bakat, kejohanan ini direka untuk memberi peluang kepada pasukan dari seluruh Malaysia untuk mengambil bahagian, tidak kira di mana mereka berada. Para pemain muda dalam kategori bawah 12 dan bawah 16 tahun bersaing di setiap negeri untuk merebut kejuaraan. Kejohanan ini sudah sampai ke peringkat pertengahan dengan perlawanan-perlawanan diadakan di Selangor, Sabah, Pahang, Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan Negeri Sembilan.

Kerwin Lim, Pengurus Pemasaran Sukan MILO®, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Rakyat Malaysia memberikan sambutan hebat kepada Hidup Bola dan juga menyahut seruan kami untuk menjadikan warga kita lebih sihat! Kami sukacita untuk melihat ramai orang juga sama-sama berazam untuk mengamalkan gaya hidup aktif dan menikmati kualiti kehidupan yang lebih sihat. Kejohanan seperti ini memperlihatkan komitmen MILO® untuk mencungkil bakat dan melahirkan bintang futsal generasi akan datang, sambil menyemai nilai-nilai dan pengajaran penting. Kami benar-benar yakin bahawa setiap detik kanak-kanak menghadapi kesukaran akan melentur mereka untuk mengharungi cabaran dengan penuh kesungguhan. Akhirnya mereka akan berjaya di gelanggang sukan dan kehidupan, mencerminkan falsafah sukan kami "Detik Mencetus Kejuaaran".

Kejohanan kini sudah menuju ke kemuncaknya, dan cita-cita pemain untuk menjadi bintang futsal sudah hampir menjadi kenyataan dengan pertandingan akhir yang akan diadakan pada 7 September 2024 di Kuala Lumpur. Para pemain berbakat yang berjaya layak ke pusingan akhir dari setiap negeri bakal bersaing untuk merebut kejuaraan dengan menyerlahkan kemahiran masing-masing di peringkat kebangsaan.

MILO® terus membudayakan gaya hidup aktif dan pembangunan menyeluruh menerusi sukan, yang membawa kesan positif kepada masyarakat di samping melahirkan individu serba boleh. Sejarar dengan komitmennya untuk membangunkan sukan di Malaysia, MHB telah mencungkil dan mengasah bakat futsal dalam kalangan belia tempatan sejak tahun 2006, dengan mengutamakan semangat kesukanan dan gaya hidup aktif.

Untuk maklumat lanjut mengenai MILO® Hidup Bola, sila layari <https://www.milo.com.my/get-active/milo-hidup-bola>

###

Mengenai MILO®

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unik 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

+6012 235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com

Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 426 5857 (Deepa) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my